

POLISI INKLUSIF ORANG KURANG UPAYA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) komited untuk memenuhi hak dan menjaga keperluan pelajar, kakitangan dan pelawat Orang Kurang Upaya (OKU) dalam mendapatkan akses penuh kepada sistem pembelajaran, persekitaran kerja dan kehidupan kampus yang inklusif serta bebas daripada halangan dan diskriminasi.

PELAKSANAAN

Bagi menjayakan polisi ini, UKM akan memastikan pelaksanaan mengikut perkara berikut:

1. Mengurus tadbir pelajar, kakitangan dan pelawat OKU pada semua peringkat pentadbiran universiti.
2. Menyediakan akses kepada bangunan, prasarana dan perkhidmatan yang mudah dicapai oleh pelajar, kakitangan dan pelawat OKU.
3. Membangunkan perkhidmatan sokongan yang menyediakan persekitaran pembelajaran, kerja dan kampus yang inklusif.
4. Mengenal pasti dan menghapuskan diskriminasi terhadap OKU serta melindungi mereka daripada sebarang gangguan dan ancaman.
5. Mewujudkan budaya komuniti kampus yang prihatin terhadap OKU.

